

TARIKH : 4/8/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

KHAMIS 4 OGOS 2022 • SINAR HARIAN



Kerajaan sedang mempergiat usaha membantu lebih ramai rakyat mendapatkan pekerjaan.

Kadar pengangguran masih tinggi

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyatakan kadar pengangguran negara ini telah menurun kepada 3.9 peratus pada Mei 2022.

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan bagaimanapun berkata, kadar pengangguran itu masih belum kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.2 peratus.

Disebabkan itu katanya, kerajaan telah mempergiatkan usaha dengan mengadakan beberapa program bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh serta mengurangkan kadar pengangguran.

"(Dengan) melaksanakan Program Jamin Kerja-Insentif Penggajian yang akan memanfaatkan pencari kerja dari seluruh negara.

"Program ini merupakan satu insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta pengangguran," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Shahruddin Md Salleh (Pejuang-Sri Gading)** yang bertanyakan solusi kementerian dalam mengurangkan kadar pengangguran negara seperti paras prapandemik.

Tambah Saravanan, antara usaha lain dipergiatkan oleh kerajaan adalah dengan meluaskan program Sistem Insurans Pekerjaan-Elaun Mencari Pekerjaan Plus kepada golongan bukan pencarum bagi membantu mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan baharu.